



YAYASAN ISLAM TERENGGANU

## IKLAN JAWATAN KOSONG (LANTIKAN CONTRACT FOR SERVICE)

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berasal dari rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak di Yayasan Islam Terengganu.

### SYARAT-SYARAT UMUM LANTIKAN

- 1) Warganegara Malaysia.
- 2) Rakyat Negeri Terengganu.
- 3) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 4) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### CARA MEMOHON

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (online) dan melengkapkan semua maklumat melalui pautan google form di bawah:



**PEMBANTU GURU (TUKANG MASAK)**

<https://forms.gle/6zTfEBDa8mgjKgvn9>

- 2) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- 3) Hanya calon-calon berjaya disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- 4) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 5) Tarikh permohonan dibuka **28 JUN 2026 (AHAD) HINGGA 5 JULAI 2026 (AHAD), JAM 12.00 TENGAH HARI.**

## PEMBANTU GURU ( TUKANG MASAK )

KELAYAKAN	GAJI (BULAN)	KEKOSONGAN	PENEMPATAN
SPM	RM 1,700.00	5	Kemaman Besut Kuala Nerus

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan: atau
  - ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

---

### SYARAT-SYARAT JABATAN

2. Keutamaan diberikan kepada calon yang;
  - i) Mempunyai pengalaman bekerja di Tadika / Pusat Asuhan Kanak-kanak;
  - ii) Boleh bekerja dalam suasana tekanan;
  - iii) Mempunyai pengetahuan mengenai bahan makanan yang berkhasiat dan seimbang;
  - iv) Mempunyai pengetahuan mengenai menu / resepi masakan;
  - v) Mempunyai pengetahuan tentang penggunaan peralatan dapur;
  - vi) Mempunyai pengetahuan tentang keselamatan dan kebersihan di bilik dapur.

---

### DESKRIPSI TUGAS

3. a) Menyediakan, memasak dan menghidangkan makanan kepada murid prasekolah.
  - b) Memastikan kebersihan, kualiti dan keselamatan makanan serta persekitaran dapur.
  - c) Merancang menu mengikut Menu Standard Prasekolah Kebangsaan.
  - d) Mengurus stok bahan mentah, penyimpanan dan perlatan bahan dapur.
  - e) Melaksanakan tugas harian dapur dan kebersihan selepas waktu memasak.
  - f) Bertanggungjawab dalam pematuhan prosedur keselamatan dan kebersihan makanan.
  - g) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.